

bah

Mahathir - Rawatan
MAHATHIR MERAWAT DUA PENDUDUK KAMPUNG

TAPAH, 22 Julai (Bernama) -- Kunjungan Perdana Menteri ke sini hari ini merakam detik bersejarah yang akan menjadi kenangan bagi dua orang penduduk kerana dapat merasa sentuhan tangan seorang doktor dan pemimpin negara.

Puan Teh a/p Mat, 48, dan B. Sathiskumar mempunyai sebab untuk berasa bangga kerana mereka terpilih daripada 20,000 pengunjung ke tapak pelancaran program Kampungku di sini untuk mendapat penghormatan itu

Mereka bukan sahaja dapat menatap wajah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara dekat tetapi dapat merasa sentuhan seorang doktor yang sudah lama meninggalkan lapangan itu kerana mempunyai tugas yang lebih penting menerajui negara.

Peristiwa bersejarah itu dirakamkan pada kira-kira pukul 12.10 ketika Perdana Menteri mengunjungi gerai pameran Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri di tapak pelancaran program Kampungku peringkat negeri di Kampung Bt 3, Jalan Pahang di sini.

Program Kampungku itu dirasmikan oleh Dr Mahathir sempena lawatan rasmi dua hari ke Perak yang berakhir hari ini. -- Lagi.

▼22/07/19-30MST

CNS9325

R.GB 22-07 00134 BA969

bah

Mahathir - Rawatan 2 Tapah

Semasa merawat kedua-dua pesakit itu Perdana Menteri sambil berseloroh berkata; "Saya sudah lama meninggalkan lapangan ini ...mana saya boleh buat lagi."

Puan Teh, seorang suri rumah ketika ditemui berkata; "Saya mengalami sakit kepala dan telah pergi ke Klinik Desa Bt 6 di sini untuk mendapatkan rawatan. Apabila tiba di klinik itu, pegawai perubatan di situ membawa saya ke tapak pelancaran untuk mendapatkan rawatan".

"Saya tidak menyangka Dr Mahathir akan merawat saya," katanya

Menurutnya, beliau merasa gembira kerana itulah kali pertama dapat melihat Dr Mahathir dari dekat dan mendapat rawatan daripada beliau.

Sementara itu, Puan K. Saroja, 33, ibu kepada Sathiskumar berkata, beliau membawa anaknya itu ke klinik yang sama kerana anaknya demam dan batuk. -- Lagi.

▼22/07/19-32MST

CNS9326

R GB 22-07 00124 BA970

bah

Mahathir - Rawatan 3 (Akhir) Tapah

"Setelah tiba di situ, pegawai perubatan membawa saya dan anak saya ke tapak pelancaran Kampungku kerana menurut mereka doktor berada di sana," kata Saroja yang tinggal di Bt 7, Jalan Pahang di sini.

"Saya tak sangka Dr Mahathir akan merawat anak saya," tambah beliau.

Timbalan Pengarah Perubatan Negeri Dr Tee Ah Sian berkata, Dr Mahathir telah merawat Puan Teh dan mendapati tekanan darahnya tinggi, manakala Sathiskumar mengalami demam dan bantuk.

Ketika ditanya apakah kedua-dua pesakit itu dipilih khas sempena lawatan Perdana Menteri ke gerai itu, beliau berkata, mereka secara kebetulan dipilih kerana semua pegawai perubatan berada di gerai itu ketika itu. -- Bernama

MUS NMO.

▼22/07/19-33MST